

Peraduan Kira & Menang RM188,000 F&N

Syarat & Peraturan

1. Tempoh peraduan adalah dari 1^{hb} Oktober hingga 31^{hb} Disember 2009.
2. Peraduan terbuka kepada semua rakyat Malaysia berusia 18 tahun dan ke atas kecuali kakitangan dan ahli keluarga terdekat F&N Dairies (M) Sdn Bhd, syarikat bersekutu, serta agensi promosi, pengiklanan, perhubungan awamnya dan pihak lain yang terlibat dalam promosi ini.
3. Setiap dua label asal Susu Pekat Manis dan Susu Sejat F&N atau Gold Coin dalam sebarang saiz bungkusan layak untuk satu penyertaan peraduan.
4. Produk yang turut serta adalah: Krimer Manis F&N, F&N Bervitamin, Krimer Manis Teh Tarik F&N, Susu Isian Pekat Manis F&N, Krimer Sejat F&N, Susu Isian Sejat F&N, Susu Sejat Penuh Krim F&N, Krimer Manis Gold Coin, Krimer Manis Kopi Teh Tarik Gold Coin dan Krimer Sejat Gold Coin.
5. Salinan borang penyertaan dibenarkan. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan yang dikehendaki tetapi setiap penyertaan mesti disertakan dengan bukti pembelian yang ditetapkan.
6. Peserta dikehendaki memberi dan menulis jawapan di dalam ruang yang disediakan, jumlah bilangan label F&N dan Gold Coin dalam setiap bekas. Terdapat dua bekas iaitu bekas A dan bekas B seperti yang dicetak dalam borang penyertaan. Kedua-dua bekas mempunyai ketinggian 4 kaki and bergaris pusat 3 kaki.
7. Penyertaan dengan jawapan yang paling tepat akan memenangi Hadiah Utama. Sekiranya terdapat lebih daripada satu penyertaan dengan jawapan yang paling tepat, peserta dengan bilangan penyertaan terbanyak dengan jawapan yang paling tepat akan memenangi Hadiah Utama, dan peserta dengan bilangan penyertaan kedua terbanyak dengan jawapan yang paling tepat akan memenangi Hadiah Pertama dan

- seterusnya. Sekiranya berlaku seri, peserta dengan penyertaan paling awal dengan jawapan yang paling tepat akan dikira sebagai pemenang.
8. Sekiranya tiada penyertaan dengan jawapan yang paling tepat, penyertaan dengan jawapan lebih rendah paling hampir dengan jawapan yang betul akan memenangi Hadiah Utama dan seterusnya. Jika terdapat seri, penyertaan dengan bilangan penyertaan paling tinggi diikuti oleh penyertaan paling awal akan menentukan pemenang.
 9. Enam hadiah seminggu untuk tiga belas minggu akan diberikan kepada enam peserta yang akan dipilih oleh komputer secara rawak. Peserta akan dihubungi dan akan ditanya satu soalan mudah melalui telefon.
 10. Satu hadiah akan diberikan kepada penyertaan pertama di setiap negeri seperti yang ditentukan oleh pemilihan pemenang yang dinyatakan di atas (Peraturan 7). Terdapat empat belas hadiah bagi empat belas negeri yang dinyatakan di sini – Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Kelantan, Pahang, Terengganu, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan.
 11. Setiap peserta dibenarkan untuk memenangi dua hadiah sahaja – satu hadiah dari kategori Hadiah Utama atau kategori Hadiah Saguhati dan satu lagi dalam kategori Hadiah Mingguan.
 12. Semua hadiah wang tunai akan diberi kepada pemenang dalam bentuk cek.
 13. Bukti pos bukan bukti penerimaan. Semua penyertaan mesti dihantar ke: Peraduan Kira & Menang F&N, Peti Surat 3031, 47509 Subang Jaya, Selangor atau dimasukkan ke dalam peti peraduan yang diletakkan di pasar raya dan pasar raya besar terpilih. Kegagalan menghantar penyertaan ke alamat yang betul akan mengakibatkan pembatalan secara automatik. Borang penyertaan yang diterima menerusi penghantar surat, perkhidmatan kurier, Pos Laju dan/atau sebarang kaedah kiriman lain akan dibatalkan secara automatik.
 14. Penyertaan yang tidak lengkap, rosak, tidak boleh dibaca, lewat dan penyertaan yang tidak disertakan dengan bukti pembelian secukupnya

- akan dibatalkan. F&N Dairies (M) Sdn Bhd berhak untuk menolak sebarang penyertaan atas budi bicara mutlakanya tanpa perlu memberi sebarang sebab.
15. F&N Dairies (M) Sdn Bhd berhak untuk menggantikan hadiah dengan hadiah lain yang sama nilainya tanpa memberi notis terlebih dahulu.
 16. F&N Dairies (M) Sdn Bhd berhak menamatkan promosi ini pada bila-bila semasa sepanjang tempoh promosi.
 17. F&N Dairies (M) Sdn Bhd berhak menggunakan nama, alamat, gambar, butir-butir dan/atau dokumen semua pemenang untuk tujuan pengiklanan dan semua bentuk publisiti lain dari masa ke masa. Pemenang mungkin dikehendaki menghadiri majlis penyampaian hadiah dan/atau menyertai program publisiti.
 18. Semua label susu tin F&N dan Gold Coin yang dihantar untuk peraduan ini akan menjadi hak milik F&N Dairies (M) Sdn Bhd.
 19. F&N Dairies (M) Sdn Bhd, semua rakan promosinya dan pihak lain yang terlibat dalam peraduan ini, termasuk pengarah, pegawai dan/atau ejennya tidak bertanggungjawab dalam apa jua bentuk sekalipun terhadap yang berikut: a) sebarang perbelanjaan tambahan yang ditanggung untuk menyertai promosi; b) sebarang bentuk gangguan teknikal; c) campur tangan pihak yang tidak sah dalam promosi; d) kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran promosi atau pemprosesan penyertaan; e) sebarang penyertaan yang hilang, dicuri, rosak, disalah hantar atau tidak diterima.
 20. Semua pemenang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang kecederaan, kerosakan atau tuntutan yang timbul daripada penyertaan mereka dalam promosi ini atau daripada penebusan atau penggunaan hadiah. Dengan menerima atau menggunakan mana-mana hadiah, pemenang bersetuju melepaskan tanggungan F&N Dairies (M) Sdn. Bhd, semua rakan niaganya dan/atau pihak lain berkaitan dengan promosi, termasuk pengarah, pegawai, kakitangan dan ejen, daripada sebarang tuntutan, pendakwaan, penghakiman, kerosakan, kehilangan atau liabiliti

- yang ditanggung berkaitan dengan penyertaannya dalam promosi, atau penerimaan atau penebusan atau penggunaan mana-mana hadiah.
21. Dengan menyertai promosi Peraduan Kira & Menang RM188,000 F&N, setiap peserta bersetuju sepenuhnya dan tanpa syarat untuk menerima syarat dan peraturan promosi ini dan keputusan pengadil adalah muktamad dan mengikat. Surat-menyurat tidak akan dilayani.
22. F&N berhak mengikut budi bicara mutlak nya membatalkan penyertaan dan/atau peserta berikut tanpa memberi apa jua bukti atau penjelasan:
- i. Mana-mana penyertaan yang disyaki satu penipuan
 - ii. Perolehan label (bukti pembelian) secara tidak sah
 - iii. Mana-mana individu yang membeli label semata-mata untuk menyertai peraduan iaitu mana-mana individu yang tidak mengguna produk F&N untuk kegunaan peribadi atau untuk kegunaan perniagaan; atau
 - iv. Mana-mana penyertaan lain yang dicurigai oleh F&N.
23. F&N Dairies (M) Sdn Bhd boleh menggunakan budi bicara mutlak nya untuk meminda syarat dan peraturan yang ditetapkan ini tanpa memberi notis terlebih dahulu.
24. Syarat dan peraturan peraduan disediakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Andainya timbul sebarang ketidakseragaman diantara kedua-dua versi, maka versi Bahasa Inggeris akan diutamakan. Sila layari laman web www.fndairies.com untuk syarat dan peraduan dalam Bahasa Inggeris.

Untuk maklumat lanjut atau pertanyaan, sila hubungi talian khidmat pengguna F&N 1-800-88-0103 (Isnin – Jumaat, 10 pagi hingga 5 petang, kecuali pada cuti umum).